

BAHASA MELAYU

KAYA DAN LUAS

(II)

(Oleh ‘Abdul Ḥamīd, Parit)

Setelah dibentangkan ‘Alī kadarnya akan kayanya Bahasa Melayu itu maka dengan ini diterangkan pula ukuran luasnya itu. Sungguhpun jika difikir dengan tenang di dalamnya terkandung bahasa lughah dan istilah serta kesusasteraan iaitu aliran bahasa, bentuk cakap, seni kata dan perahan akal yang menimbulkan keindahan dan rasa lemak manis di sisi pembaca-pembaca dan pendengar-pendengar hingga berkesan di hati masing-masing.

Yang dimaksudkan dengan luas itu ialah di dalamnya berisi berjenis-jenis: seloka, syair, pantun, gurindam dan perumpamaan serta lain-lain.

Seloka: Si buta pengembus lesung. Si bisu penghalau ayam. Si pekak pembakar meryam. Si bongkok penjemuran dan si kurap pemikul buluh. Tiap-tiap rakai kata itu mempunyai tujuan yang tersendiri dan berlain-lain kehendak di antara satu dengan satu. Jadi sekalian yang tersebut itu walaupun dipandang hina oleh sepuak tetapi berguna besar kepada masyarakat segala lapisan bangsa asalkan pandai menggunakan pada masa yang tertentu. Demikianlah seloka itu disusun oleh orang-orang tua kita sudah bersundut-sundut bukannya sia-sia sahaja. Pada masa “kerja raja” dan pada masa “peperangan” tidak ada rakyat jelata yang ketinggalan daripada pandangan raja akhirnya mereka itu menerima ampun kurnia dan “tegur sapa” dari ke bawah duli.

Seloka tentang perjodohan: Kalau diukur sama panjang, kalau dibidas sama besar. Kalau paruman sama baik. Sirih pulang ke ganggang, pinang pulang ke tempuknya. Kuah tumpah ke nasinya, harta pulang ke empunya. Orang Setumbok bagi gelang, orang Sejudu bagi cincin. Sembilan ayat yang di atas semuanya penuh dengan tamsil tua sebagai sempena peri persetujuan dan persuaian laki isteri yang membawa keselamatan hidup yang bercengkeram. Bandingan itu sesungguhnya sangat bertepatan: ayat satu dan dua itu menunjukkan bangsa dan sedarah. Ayat yang ketiga tentang persamaan rupa dan sifat. Ayat yang keempat hingga ketujuh oleh kerana menjadi pasangannya atau kufunya, seandainya apabila meninggal salah seorang segala harta tiada perpindahan ke lain melainkan menjadi milik si hidup. Bahkan ayat yang kelapan dan sembilan menyaksikan keteguhan setia dan kasih sayang yang tiada berbelah bahagi.

Berhubung dengan seloka Melayu sebenarnya ada bermacam-macam bunyinya lagi tetapi sayang terpendam di buku-buku lama dengan tiada diendahkan orang- kedua-dua seloka ini disalin dari Hikayat Raja Muda. Terkarang pada m.1941.

11 Syair: Dalam Melayu kebanyakannya telah ditulis dengan “syair” (Shair) pada syair bunyi (Shiir) itu kalimah Arab sejenis karangan yang berkerat empat hujungny



Sebahagian pemuda Melayu serupa yang bekerja dalam B.M.

P. Company Limited, Sriya, Brunei- bergambar ramai

kerana menyambut hari raya.

Duduk dari kanan, saudara-saudara: Razali Haji Sibil,

Talib Shaykh Salimin dan Pozi Rashidi.

Berdiri dari kanan: Bujang Odeng, Januar

Amir, Wan Hail Junayah dan Zainuddin Sidik.

keempat-empat sama bunyinya dan sama lenggang-lenguknya; kandungannya memberi “perasaan yang berkesan”. Isinya tanpa jiwa yang merupakan peri kedukaan, kesedihan, puji-pujian kesyukuran dan seumpamanya daripada sebarang yang berlaku sampai menjadi insaf dan nasihat kepada masyarakat. Al-marhum Ibrāhīm al-Mūsāfī telah bersemayam di atas takhta kerajaan pada T.H 170 demikian bunyinya dalam Melayu:

“adakah tiada engkau lihat bahwasanya matahari itu

kabus tiada bercahaya maka apa kala ditabalkan dan diangkat Harun ar-Rashid itu jadi raja memancarlah cahayanya maka terhiaslah dunia dengan perhiasan yang molek dengan sebab ia menjabat kerajaan. Maka Harun rajanya dan Yahya menteri”- daripada Kitab Pelita menyorot: T.M.1913.

Syair Melayu: Di atas telah diterangkan perkataan syair itu bahasa Arab yang demikian sungguhpun di dalam Melayu telah di dapati beraneka coraknya tetapi tetaplah tiruan daripada bangsa tersebut. Tarikh masanya mula-mula digubah tiada dapat didapati dengan tepat hanya dapat diukur dari buku-buku pada penyair ini yang telah lalu. Dengan satu contoh seperti cara kaedah Arab sebagaimana yang disuntingkan di atas bolehlah dipastikan jika di dalam Melayu halnya samalah dengan rencana sungguhpun di dalam Arabnya berangkap empat.

Akan tetapi di dalam Melayi di akhir tiap-tiap rangkapnya sebunyi atau setimbang demikianlah bunyinya:

Dakwat qalam kertas selembat

Tiga selari tajli berkembar

Dakwa dakwi mengaku muktabar

Menjadi alat membawa khabar

Ketika mereka berbalah-balahan

Dalam sepi saudara perlahannya

Sentiasa leka dengan sangahan

Tiba insaf lenyap olahan

Qalam bermadah dialah raja

Memutus bicara berseri diraja

Canya banya tiada terhingga

Sekalian rakyat gemar memuja

Dakwat menyahut seraya berper

Mengapatah walam memberi diri

Lamuan tidak teman berlari

Makan kertas rupa pegari

Kertas pula menyampuk kata

Jika tidak adanya bait
Manakan qalam dapat melata
Kedua mu itu tiadalah nyata
Awal permulaan yang nombor satu
Tanpalah qalam pasti dan tentu
Kemudian dakwat kertas membantu
Tegaklah daulat kerajaan sekutu
Tiga perkara maha berkat
Qalam dakwat kertas sepakat
Demi mereka rapat berdekot
Sebarang rencana dapat diikat
Kerajaan dunia merekalah milik
Baik jahat waimā falīq
Asakan terconteng buruk dan molek
Tak boleh lagi dibolak balik
Sepoi-sepoi bahasa dipukul bayu
Menyegarkan pokok raihan yang layu
Bergeraklah sekalian daunnya kayu
Lenyaplah gundah luputlah sayu
Rih al-Ṣabāh angin penyembuh
Menyengarkan semangat menyihatkan tubuh
Angin pujian sepanjang lebu
Tersingkaplah teri hajat terlabuh
Dari Firdaus puputan angin
Tiupan Latīf lazat dan dingin
Athar Tajālī di pohon beringin
Terhembuslah malas dampinglah angin

Terbukalah pintu desa kebesaran

Dengan sinaran bintang bertaburan
Kanaz al-Mukhaḥfī nyata terbanyan
Rahsia musykil habis beruraian.
Terodak laksana naga gentala
Menghulurkan taubat mengangkat kepala
Samudera jauh dituju hala
Mengumbang di sana tiada gendala
Lautan permata bahar yang raya
Berombakkan akal berdasar budi
Tebingnya luluk cemerlang cahaya
Jawhar al-Gharīb penuh sedia
Pernangan naga menganggap berpapah
Diberati mutiara cahaya melimpah
Demikianlah dakwat di surat tertumpah
Mengandung ibarat di ruangan suhaifah
Dhamir al-maksud teranglah nyata
Disulahi sinar aneka permata
Simpulan merada tempat terpeta
Masuk di hati tergambar di mata
Alhamdulillah syukurlah saya
Pundi-pundi faham melimpah selia
Karangan luluk marjan mutia
Lemahlah jauhari menilikan dia.

*

III Sampai di sini masuklah perbicaraan tentang
perumpamaan pula. Perumpamaan ini sengaja dibahagi dan
dipecah-dipecahkan kepada sepuluh bahagian, dibuat demikian kerana
dipandang ada perbezaan dan tiap-tiap jenis itu diberi
misalnya yang difikirkan sesuai dengan pecahan itu. Seringkas-ringkas

sambungan pada muka 23

sambungan dari muka 18

ayat yang dikehendaki oleh perumpamaan itu “dua patah kata” selanjut-lanjutnya berpuluh-puluh patah sebagaimana yang ditunjukkan di bawah ini:


1. Andai: Ada pun buah peria itu kalau ditanam di atas batas sakar dan dibaja dengan madu lagi disiram dengan manisan serta diletakkan di atas tebu sekalipun apabila masak pahit juga.
2. Bidal: (Beberapa kerat kata yang keras ditujukan kepada diri seseorang): Telingga Rabiyyat paki sumbang. Si buta baharu celik. Si kudung dapat cincinnya. Katak di bawah tempurung.
3. Telabi: (Berisi tauladan dan nasihat yang bernas supaya berkesan kepada hati): tak serik pelanduk dabu. Hantu kayu beranang.
4. Tamsil: Ertinya bandingan atau merupakan sesuatu perkataan yang lemak manis hingga mendatangkan selera kepada pendengar: seperti telur di hujung tanduk. Seperti tanduk bersendi gading. Seperti cincin dengan permata.
5. Tempelak: (Memulangkan balik cakap yang telah pulang buah keras). Arang habis besi binasa tukang berkerja penat sahaja. Tak tahu menari katakana tanah tinggi rendah.
6. Sindiran: (perkataan yang bunyinya menuju sesuatu tetapi mengenai yang lain): Pukul anjing tak pandang mata tuannya, pukul anak sindir menantu.
7. Ibarat: dalam Arab ertinya cara menyusun perkataan atau perurutan ayat yang menunjukkan erti, di dalamnya terdapatlah ada ibarat “yang dalam” ada ibarat yang “cantik” seperti ayat: sayangkan anak tangan-tangankan, sayangkan bini tinggal-tiggalkan. Susun kata ini lamuan difahamkan pada zahirnya sahaja. “tangan-tangankan” itu beerti balun, tampar, sepak, pukul, gudam dan yang seumpamanya: tetapi erti yang asalnya tergubal dengan seni kata iaitu disebaliknya ada mempunyai erti yang sejati. Maksudnya jika seseorang sayangkan anaknya tak dapat tiada hendaklah selalu diajar, betulkan

yang salah tunjuk beri nasihat yang boleh berbekas pada pendengaran dan hatinya. Begitu jua jika seseorang sayangkan bini tinggal-tiggalkan bukan tujuannya ceraikan atau tak ambil eduli. Yang sebenarnya ialah si suami hendaklah keluar rumah untuk kewajipan isterinya termasuklah keluarganya.

Akan tetapi di dalam Melayu ibarat itu hampir-hampir samalah dengan kias: seperti tanduk bersendi gading, seperti cincin dengan permata, seperti sirih pulang ke ganging, seperti pinang pulang ke tempuk, dan sebagainya: atau laksana bunyi rencanan ini: “ada pun manusia itu ibarat tanah walau bagaimana subur sekalipun jika dipenuhi oleh binatang-binatang yang buas tiada didiami orang”.

8. Pepatah: Ada yang kata dari pepatah tetapi lebih tepat dan lebih sesuai dari kata “patah-patah” seperti tetopi jadi topi-topi. Kekura jadi kura-kura, lelabi jadi labi-labi dan seumpamanya iaitu asalnya dari beberapa patah atau beberapa kerat perkataan biasa yang diringkaskan supaya pendek dan kemas yang berisi makna: tak berani berlawan ramai, tak ramai bertabur orang, tak kaya berdikit-dikit. Bahawa ketiga-tiga patah (kerat) perkataan ini pada mulanya panjang sekurang-kurangnya berbunyi: (1) adapun tabiat manusia itu keramaian itu memberi semangat, (2) orang kaya yang kedekut itu selalu terpercil seperti kera sumbang: akan tetapi dipuja orang apabila pemurah, (3) walau bagaimana banyakpun perolehan seseorang yang berjimat cermat dan yang berdikit-dikitlah kelas menjadi kaya. Kata kiasan: Titik menjadi lopak, lopak menjadi sungai.

9. Kiasan: simpulan kata disebut juga kiasa itu menjadi perhiasan bahasa atau ukiran persuratan. Kiasan itu ada yang pahir dan ada pula yang manis. Yang pahit ialah batu kelambu, berang tong, tahan tuar, hati batu. Yang manis pula ialah bunga tangan, cendera mata,



Kerajaan Saudi menderma 100,000 rupiah kepada derma “bencana alam” di Indonesia baharu-baharu ini.

Gambar menunjukkan duta Saudidi Jakarta sedang menyampaikan cek derma tersebut.

pinang muda, mabuk selasih. Tiap-tiap kerat ayatnya hanya dua patah perkataan sahaja diukir atau dibandingkan dengan suatu benda yang bersetuju dengan keadaannya, demikianlah persatuan.

10. Gonjak: perkataan ini banyak menyebutnya ialah orang-orang Melayu disebelah utara semenanjung, kehendak memuji seseorang tolo atau kesasar supaya kuat bekerja atau seumpamanya, Bunyinya: Bangu-bangu pinta aku leher. badak-badak pinta aku daging bajak wangkang makan diangkat. Hitam-hitam gajah, putih-putih orang kafi (kapal). Kata pantun: Hitam-hitam si buah manggis, sungguh hitam dipandang manis. Al-hasil 10 macam pecaman perumpaan yang dibayangkan di atas layaklah dikatakan itulah dia peribahasa Melayu, sekali-kali tiada boleh luput daripada ingatan sekalian bangsa Melayu. Sekialah dengan sebagai contohnya sahaja.

*

(Bahagian penutupnya akan disiarkan dalam Qalam yang akan datang. Sementara itu dalam bahagian yang pertama yang telah tersiar pada bilangan yang lalu ada sedikit ngalatnya:

Di muka 31 ruangan dua, baris 27: Tubil, yang betulnya: terbil. Di muka 32 ruangan dua, baris 20: huruf, yang betulnya: saraf dan dalam baris 31, tatkala, yang betulnya tegal. Di muka 33 ruangan dua, baris 26: 5 pulu yang betulnya: 15 dan di baris 33; coh, yang betulnya shoh. Di muka 34 ruangan pertama, baris 1: pulu dan barat, yang betulnya: ahli ketimuzan barat. Di ruangan dua, baris 1: 750 ribu. Haraf dibetulkan. -P.Q)